

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

# Leo Moggie lancar parti Dayak hari ini

**KUCHING, Rabu** — Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Leo Moggie akan melancarkan Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) dalam satu upacara di sini esok yang dijangka disaksikan oleh para pemimpin parti komponen Barisan Nasional negeri.

Setiausaha penaja PBDS, Encik Joseph Mamat Samuel berkata dalam satu kenyataan berkuat kuasa telah dihantar kepada para pemimpin parti komponen Barisan Nasional untuk menghadiri pelancaran parti

Dayak itu yang didaftarkan Jumaat lalu.

Parti itu ditubuhkan pada 17 Julai oleh sekumpulan pecahan dari Parti Kebangsaan Sarawak (Snap) berikutan pemecatan Timbalan Ketua Menteri Datuk Daniel Tajem dari parti kerana dikatakan berkempen menentang calon Barisan Nasional dalam pilihanraya Parlimen yang lalu.

Datuk Moggie dilantik sebagai presiden penaja dan Datuk Tajem timbalannya.

Encik Joseph Samuel yang juga anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Ta-

tau, berkata PBDS berterima kasih kepada Ketua Menteri Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud kerana sokongannya kepada parti itu.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada Ketua Menteri kerana membenarkan PBDS menyertai pentadbiran kerajaan negeri.

Beliau mengulangi kesanggupan parti itu untuk bekerja rapat dengan lain-lain parti Barisan Nasional di peringkat negeri dan Persekutuan bagi memastikan rakyat terus hidup dalam keharmonian, kemajuan dan kemakmuran. — Bernama.